# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT PAHANG DARUL MAKMUR

OLEH

NOR SHARFINA BINTI YAHAYA

Sarjana Muda Pengurusan
( Polisi dan Sekitaran Sosial )

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
( KUSTEM )

2005

3359

1100045471

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu

LI 62 FPE 1 2005

1100045471
Laporan akhir latihan industri di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut,Pahang Darul Makmur / Nor Sharfina Yahya.

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045471

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
62
FPE
1
2005

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT PAHANG DARUL MAKMUR

**OLEH**

**NOR SHARFINA BINTI YAHAYA**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

Jabatan Ekologi Sosial
*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi*
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045471

# Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Nor Sharfina binti Yahaya (UK8648) mengaku bahawa Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalankan Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak akan terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

________________

Nama : Nor Sharfina Binti Yahaya

Tarikh : 14/11/2005

Disahkan oleh :

________________

Tuan Haji Razali bin Abdullah

Penyelia KUSTEM

B/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

KUSTEM

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH**
**JERANTUT, PAHANG DARUL MAKMUR**

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Nor Sharfina binti Yahaya |
| Tarikh Lahir | : | 6 Oktober 1983 |
| Asal | : | Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur. |
| Alamat Tetap | : | L-391-58 Taman Bukit Pedah,<br>27000 Jerantut,<br>Pahang darul Makmur. |
| Alamat Semasa | : | C-14, Perumahan Gong Badak,<br>23000 Kuala Terengganu,<br>Terengganu Darul Iman. |
| Hobi | : | Gemar melakukan aktiviti '*outdoor*' seperti berkayak, up-sailing, hiking, rafting, berenang, melancong, melihat panorama alam, dan bintang-bintang. |
| Email | : | fina0406@yahoo.com |

# PENGHARGAAN

**Assalamualaikum/salam sejahtera**

Syukur kepada Ilahi diatas segala keizinan dan kasih sayangNya, Alhamdulillah akhirnya saya dapat menyelesaikan Laporan Industri (LI) SOS 4299 ini. Sepanjang 12 minggu, pelbagai pengetahuan dan maklumat yang saya pelajari di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada ibu dan keluarga tersayang, Dik Yen, Dik Jam, dan Adik yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya semasa menjalani Latihan Industri dan menyiapkan LI ini. Dengan kasih sayang dan keredhaan mereka, saya yakin dapat melakukan yang terbaik dalam kehidupan ini. Sesungguhnya keredhaan mereka adalah keredhaan Allah jua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga di ucapkan kepada Penyelia LI saya iaitu Tuan Haji Razali bin Abdullah yang banyak membantu memberi panduan dan tunjuk ajar dan Penyelia Industri di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut, En Rushdi bin Abdul Ghani yang sentiasa membantu saya dalam memberi pelbagai maklumat berkaitan Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut, serta kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut yang juga banyak membantu memberi jawapan semasa temuramah, maklumat dan tunjuk ajar selama tiga bulan di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut, Pahang.

Seterusnya yang selalu diingati, ucapan terima kepada rakan seperjuangan yang bersama-sama menjalani Latihan Industri di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut dan membantu mencari maklumat berkaitan, saudari Norashikin binti Hanapiah. Tidak lupa saudari Nurul Husna binti Shafie yang telah banyak membantu memberi maklumat berkaitan laporan LI.

Tidak lupa kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan. Kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung diucapkan terima kasih, semoga jasa kalian dibalas dengan kebaikan oleh Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri adalah salah satu kaedah latihan yang boleh dipraktikkan kepada pelajar. Di samping itu juga, Latihan Industri memberi input serta pelbagai implikasi berguna kepada pelatih, turut memberi pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang berharga dan tidak ternilai untuk menyahut cabaran dalam menimba dan mencari ilmu untuk kegunaan dimasa akan datang.

Seperti juga organisasi lain, Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut ini juga tidak dapat lari daripada masalah yang membelenggu dan menggangu terutamanya di dalam jentera pentadbiran khususnya. Permasalahan timbul di dalam dan juga di luar organisasi tersebut. Ini kerana mereka sentiasa berurusan dengan rakyat setempat.

Diantara permasalahan yang dapat dikupas ialah masalah yang berkaitan dengan sistem kerja yang sedia ada. Apa yang dimaksudkan dengan sistem kerja ini adalah sistem kerja yang masih diperingkat sederhana dan perlu diberi perhatian berterusan. Sistem kerja yang dijalankan kebanyakan adalah secara tradisional. Dimana pemprosesan borang-borang pemohonan begitu lambat. Walaupun sistem pengkomputeran begitu banyak, mereka tetap menggunakan cara lama. Setelah diteliti setengah daripada kakitangan adalah golongan pertengahan abad yang menyebabkan sistem lama lebih selesa digunakan.

Selain daripada itu, masalah daripada sesetengah kakitangan pejabat ini tidak berdisplin. Contohnya, dari segi kehadiran, dimana ada diantara kakitangan tidak mematuhi waktu keluar masuk pejabat. Mereka juga melanggari peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ini membolehkan mutu kerja terjejas dan mengakibatkan pelbagai implikasi buruk kepada organisasi.

Secara ringkasnya pelatih dapat simpulkan disini, setiap kakitangan mempunyai tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan di atas bahu masing-masing. Ini menjadi kewajiban untuk mereka menjalankannya. Disamping itu juga kerjasama adalah penting dalam mentadbir sebuah organisasi selaras dengan matlamat yang ingin dicapai.